



"MELAHIRKAN ANAK SOLEH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَّهُ وَيَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ
الذُّكُورَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan-Nya semoga kehidupan kita di dunia dan di akhirat sentiasa direhui Allah SWT.

Hayatilah khutbah pada kali ini yang bertajuk "**MELAHIRKAN ANAK SOLEH**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Anak-anak merupakan anugerah Allah SWT yang amat berharga kepada kedua ibu bapa. Mereka ibarat kain putih yang bersih, maka kedua ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk memelihara, membentuk dan mendidik mereka agar menjadi insan yang berguna, berjaya di dunia dan di akhirat.

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

"مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ".



"Tidaklah seseorang itu dilahirkan kecuali dalam keadaan Fitrah (suci daripada kesalahan dan dosa), maka kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi "

(Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian itu, Islam merupakan agama terbaik untuk memberi bimbingan dan panduan kepada manusia dalam melahirkan anak-anak yang soleh.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Sebagai ibu bapa, sudah pasti kita sentiasa berharap agar dikurniakan anak-anak yang baik dan soleh. Menjadi penyejuk mata dan penawar hati. Anak-anak bukan sahaja dapat membantu kita sewaktu di dunia bahkan diharap dapat membantu kita sampai ke alam akhirat.

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

"إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ".



"Apabila mati anak Adam, maka terputuslah semua amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat dan anak yang soleh yang mendoakan untuknya".

(Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Justeru proses mendidik anak agar menjadi anak yang soleh merupakan suatu tugas dan tanggungjawab yang besar serta mencabar kepada setiap ibu bapa. Terutamanya dalam dunia hari ini yang serba moden dan canggih yang telah banyak mempengaruhi corak kehidupan manusia terutamanya golongan kanak-kanak.

Beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa untuk melahirkan generasi anak-anak yang soleh ialah :

Pertama : Hendaklah Menanam Kefahaman Akidah Dalam Diri Anak-Anak

Akidah merupakan perkara asas yang perlu diberi perhatian dan keutamaanya kerana akidah yang mantap sahajalah mampu menjamin kebahagian dan kecemerlangan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Pegangan akidah yang kukuh dapat melahirkan insan yang sentiasa menjaga iman mereka serta menjauhi perkara-perkara syirik.

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 13:



وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعْظِهُ،
يَبْنَىٰ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الْشِرْكَ لَظُلْمٌ

عَظِيمٌ

"Dan ketika Luqman berkata kepada anaknya, "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain). Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Kedua : Hendaklah Memberi Penekanan Dan Menitikberatkan Soal Ibadah.

Ibadah yang sempurna melambangkan sifat kepatuhan dan ketaatan kepada Allah. Selain itu, ibadah juga sebagai tanda hubungan dengan Allah SWT sepanjang masa. Dengan beribadah juga dapat menyedarkan anak-anak tentang sifat-sifat manusia sebagai seorang hamba disisi Allah SWT.

Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 162 :



قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ
وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ



"Katakanlah: "Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. "

Ketiga : Hendaklah Memberi Didikan Dalam Pembentukan Akhlak Yang Baik.

Memiliki akhlak terpuji merupakan lambang keperibadian seorang muslim sejati. Dengan memiliki akhlak yang terpuji menyebabkan seseorang itu dihormati oleh masyarakat. Manakala seseorang yang memiliki akhlak yang tercela akan dibenci dan dikeji oleh masyarakat. Akhlak yang mulia juga merupakan antara amalan yang memberatkan timbangan amal seseorang manusia itu pada hari akhirat.

Hadis daripada Abu Darda R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:



مَا مِنْ شَيْءٍ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْعَبْدِ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ

"Tidak ada sesuatu yang lebih berat diatas neraca timbangan seseorang hamba di hari kiamat selain dari akhlak yang mulia".

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

Keempat : Memastikan Makan Minum Anak-anak dari Sumber yang Halal.

Setiap ibu bapa perlu memastikan setiap makanan yang diberikan kepada anak-anak merupakan makanan dan minuman daripada sumber yang halal serta menjauhi daripada sumber yang syubhah, apatah lagi dari sumber yang haram. Makanan dan minuman daripada sumber rezeki yang halal, baik lagi berkat akan mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 168:



يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ
حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوطَ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ



"Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu.”.

Kelima : Hendaklah Sentiasa Berdoa Kepada Allah

Keinginan untuk memiliki zuriat yang soleh dan cemerlang hendaklah dengan cara berdoa kepada Allah S.W.T kerana ia merupakan amalan yang dilakukan oleh para nabi dan rasul. Sebagai contoh Kisah nabi Zakaria yang berdoa tanpa henti untuk mempunyai seorang zuriat yang soleh lalu dimakbulkan Allah.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Imran ayat 38;



هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَا رَبَّهُو قَالَ رَبِّ
هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرْيَةً طَيِّبَةً إِنَّكَ
سَمِيعُ الْدُّعَاءِ

٢٨

"Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhanya, katanya: "Wahai Tuhanaku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (dan mengabulkan) doa permohonan."

Keenam : Hendaklah berusaha mewujudkanlah persekitaran yang Baik.

Setiap ibu bapa hendaklah memberi perdedahan yang baik kepada anak-anak. Sebagai contoh menghantar ke tempat-tempat pendidikan Islam, Majlis-majlis ilmu bagi membiasakan anak-anak berjemaah di Masjid dan lain-lain.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Marilah sama-sama kita memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak kita, demi melihat generasi yang terbaik pada masa hadapan. Korbankanlah sedikit masa dan harta untuk mereka. Berikanlah



kasih sayang dan tunjukkanlah contoh teladan yang terbaik kepada mereka. Ambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan anak-anak seperti dengan siapa mereka berkawan, kemana mereka pergi, jam berapa mereka keluar rumah dan pulang semula dan lain-lain lagi. Ini semua membuktikan kita telah melaksanakan amanah Allah SWT. terhadap anak-anak dengan baik dan sempurna.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا
قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا



"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) Yang berdoa Dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah Kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara Yang menyukakan hati melihatnya, dan Jadikanlah Kami Imam ikutan bagi orang-orang Yang (mahu) bertaqwa".

(Al Furqaan :74)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ، هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةَ أَنْ تَحْفَظَ
بَعْيَنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engku redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.



Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.